



**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
BILANGAN 6 TAHUN 2025**

DASAR LESEN KELAS BAS BERHENTI-HENTI

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak (selepas ini dikenali sebagai **“LPKP Sarawak”**) berkenaan penetapan dasar Lesen Kelas Bas Berhenti-henti di Sarawak.

2. TAKRIFAN

Dalam pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

‘Bas Berhenti-henti’ ditakrifkan sebagai bas yang berulang-alik sepanjang laluan yang dibenarkan oleh Lembaga untuk membawa penumpang pada suatu perkhidmatan yang mengandungi peringkat tambang, dengan tambang, jadual waktu dan jadual tambang yang berasingan bagi setiap peringkat tambang; dan

‘Permohonan Semula’ ditakrifkan sebagai permohonan memperbaharui lesen yang dibuat selepas tarikh akhir tempoh sah laku lesen.

‘Bas Gantian’ ditakrifkan sebagai kenderaan gantian bagi kenderaan dibenarkan yang dianggap tidak sesuai untuk perkhidmatan atau telah ditarik balik daripada perkhidmatan bagi dibaik pulih dan dibaiki bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 hari melainkan mendapatkan kebenaran bertulis daripada LPKP Sarawak dan tertakluk kepada syarat-syarat pelesenan.

3. DESKRIPSI PERKHIDMATAN BAS BERHENTI-HENTI

- 3.1. Bas Berhenti-henti boleh beroperasi di dalam / antara daerah dalam bahagian yang sama.
- 3.2. Bas Berhenti-henti boleh beroperasi di antara bahagian di Sarawak dan tidak melebihi 2 bahagian.
- 3.3. Jenis kenderaan yang ditetapkan sebagai Bas Berhenti-henti adalah *City Bus (Low Deck)*. Walau bagaimanapun, Lembaga boleh memberikan pengecualian jenis kenderaan berdasarkan justifikasi yang dikemukakan.
- 3.4. Bilangan muatan tempat duduk dari 8 tempat duduk hingga 49 tempat duduk.
- 3.5. Bas berhenti-henti hendaklah dipasang sistem mesin tiket elektronik (ETM) dan *Global Positioning System* (GPS).
- 3.6. Bilangan penumpang berdiri adalah berdasarkan pelan pembinaan kenderaan yang diluluskan oleh Bahagian Kejuruteraan Automatif, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
- 3.7. Lesen Kelas Bas Berhenti-Henti adalah tertakluk kepada apa-apa arahan atau apa-apa peruntukan perundangan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

- 3.8. Pembinaan dan penggunaan Bas Berhenti-henti hendaklah mengikut Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [LN170/1959].

4. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BAHARU LESEN KELAS BAS BERHENTI-HENTI

- 4.1. Pengeluaran lesen adalah secara terbuka kepada Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Berhad sahaja yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 4.2. Modal terkumpul atau pusingan (operasi) sekurang-kurangnya 30% daripada harga kenderaan baharu atau terpakai.
- 4.3. Mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM250,000.00.
- 4.4. Mempunyai laluan yang memerlukan perkhidmatan.
- 4.5. Tempoh sah laku lesen adalah selama 5 tahun.
- 4.6. Tempat letak kenderaan perdagangan (depoh) adalah mencukupi dan sesuai mengikut bilangan kenderaan yang dimohon dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 4.7. Had usia melesenkan kenderaan dan ganti kenderaan bas berhenti-henti adalah tidak melebihi 10 tahun dari tarikh kenderaan didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan dibenarkan untuk beroperasi sebagai bas berhenti-henti sehingga 20 tahun dari tarikh didaftarkan dengan JPJ.

4.8. Pemasangan *Global Positioning System* (GPS) bagi semua bas berhenti-henti berdasarkan kriteria 3 bintang program Trackscore MIROS dan ketetapan LPKP Sarawak iaitu:

- (a) Syarikat pembekal GPS perlu menyimpan data selama satu (1) tahun, dan semua data hendaklah disalinkan secara pendua (*mirrored*) ke pelayan (*server*) yang akan ditetapkan oleh LPKP Sarawak;
- (b) Syarikat pembekal GPS yang digunakan oleh pemegang lesen hendaklah mempunyai pusat sokongan teknikal yang beroperasi di Sarawak;
- (c) Syarikat pembekal GPS yang dilantik oleh pemegang lesen perlu membuka *Application Programming Interface* (API) bagi tujuan integrasi dengan Platform Berpusat yang akan disediakan oleh LPKP Sarawak (jika ada) pada masa hadapan. Caj platform adalah ditanggung oleh pemegang lesen (sekiranya ada); dan
- (d) LPKP Sarawak hendaklah diberikan akses penuh kepada sistem GPS tersebut untuk tujuan pemantauan dan pengauditan.

4.9. Semua bas berhenti-henti perlu dipasang dengan mesin tiket elektronik (ETM) dan ketetapan LPKP Sarawak seperti jadual di bawah :

Keupayaan Peranti	• Memberikan maklumat terkini mengenai ringkasan penjualan. • Berupaya untuk mengendalikan dan mengemas kini pelbagai jadual tambang, laluan, trip perjalanan, tiket, bilangan penumpang dan sebagainya. • Peranti tersedia untuk pelaksanaan pas perjalanan tanpa had bulanan atau harian. • Peranti berupaya untuk menyimpan maklumat seperti usia dan perincian kenderaan. • Pemandu dapat mengatur dan menguruskan maklumat yang diperlukan untuk operasi
--------------------------	---

	(Laluan, maklumat pemandu, permulaan / akhir operasi kenderaan dan sebagainya). • Penyimpanan data transaksi yang mencukupi untuk operasi harian. • Sebagai persediaan untuk kegagalan yang tidak dijangka seperti kegagalan komunikasi tanpa wayar, pemacu USB dapat digunakan untuk penghantaran data ke <i>Depot Computer System</i> (DCS) di depot secara manual atau sebagai alternatif lain penyimpanan transaksi. • Dilengkapi dengan pencetak tiket kertas termal (untuk transaksi tunai sahaja). • Mencetak output data ETM melalui pencetak resit bersepadu yang terdiri dari tiket, <i>waybill</i> pemandu, jejak audit yang selamat, bill inspektor dan maklumat lain yang berkaitan. • Mampu menyimpan versi perisian mesin, data dan masa untuk rujukan pada bila-bila masa. • Dapat membaca pelbagai medium kaedah pembayaran tanpa tunai.
Simpanan Data	• Penyimpanan data yang mencukupi selama 1 tahun. • Langkah-langkah keselamatan yang kukuh dan selamat.

4.10. Bebas saman daripada JPJ dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

4.11. Bebas daripada penggulungan.

4.12. Mengambil atau menurunkan penumpang di perhentian yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan.

4.13. Lembaga berhak untuk menetapkan syarat-syarat tambahan di dalam permohonan lesen baharu.

5. LAPORAN

5.1. Maklumat bilangan penumpang dan hasil kutipan untuk setiap lesen yang diluluskan perlu dilaporkan secara bulanan kepada LPKP Sarawak sebelum atau pada 10 haribulan bulan berikutnya.

5.2. Laporan berkaitan aduan / kemalangan perlu dikemukakan kepada LPKP Sarawak dengan segera.

5.3. Laporan ETM dan GPS seperti di Lampiran A.

6. KADAR TAMBANG

6.1 Kadar tambang bas berhenti-henti adalah seperti yang termaktub dalam Kaedah-Kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Kadar Tambang) 2000 [*P.U.(A) 242/2000*] seperti di Lampiran B.

7. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN BAHARU ATAU TAMBAHAN LESEN KELAS BAS BERHENTI-HENTI

Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

7.1. Salinan Lesen Perdagangan— Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan)(I.R.D No.7— Pind.1/86) masih dalam tempoh sah laku.

- 7.2. Maklumat Korporat SSM.
- 7.3. Borang 9 Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian).
- 7.4. Borang 8 Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Awam).
- 7.5. Perakuan Pemerbadanan Syarikat Awam / Sendirian Akta Syarikat 2016.
- 7.6. Surat Sokongan daripada Kementerian Pengangkutan Sarawak termasuk laporan kewajaran bagi laluan baharu yang dimohon.
- 7.7. Surat kelulusan berkaitan penggunaan terminal atau perhentian dalam kawasan laluan daripada PBT dan/atau pihak pengurusan infrastruktur berkenaan.
- 7.8. Maklumat lengkap tentang butiran laluan termasuk cadangan pemetaan laluan dengan nama-nama jalan dan perhentian-perhentian bas terlibat.
- 7.9. Jadual waktu berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon.
- 7.10. Jadual tambang berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon.
- 7.11. Pengesahan PBT untuk tempat letak kenderaan (depoh) tidak melebihi 6 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.
- 7.12. Pengesahan bebas saman daripada pihak JPJ dan PDRM tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.

- 7.13. Keputusan carian status penggulungan daripada Jabatan Insolvency Malaysia tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.
- 7.14. Pelan pembinaan kenderaan yang diluluskan oleh Bahagian Kejuruteraan Automatif, JPJ sekiranya permohonan melibatkan penumpang berdiri.
- 7.15. Satu (1) bulan penyata kewangan terkini (perlu disahkan oleh pihak bank dan tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga) atau sijil pemilikan kenderaan (VOC) atas nama syarikat yang memenuhi syarat untuk dilesenkan.

8. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN

- 8.1. Permohonan pengeluaran lesen dikemukakan sebelum tamat akhir sah laku Surat Tawaran Kelulusan (STK). Dokumen yang perlu disertakan untuk permohonan pengeluaran lesen adalah seperti berikut :
 - (a) Laporan PG11A ;
 - (b) Surat Tawaran Kelulusan (STK);
 - (c) Laporan pemeriksaan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM);
 - (d) Pengesahan kefungsiian dan laporan *Speed Limitation Device* (SLD);
 - (e) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.8.;
 - (f) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS;
 - (g) Dokumen perjanjian pemasangan sistem ETM mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.9.;
 - (h) Jadual waktu berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon;

- (i) Jadual tambang berdasarkan format yang ditetapkan oleh LPKP Sarawak bagi laluan yang dimohon; dan
- (j) Sijil pendaftaran kenderaan terkini.

9. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MEMPERBAHARUI LESEN KELAS BAS BERHENTI-HENTI

- 9.1. Permohonan memperbaharui lesen perlu dikemukakan sebelum tarikh akhir tempoh sah laku lesen. Pemegang Lesen dibenarkan untuk mengemukakan permohonan memperbaharui seawal 1 tahun sebelum atau selewat-lewatnya pada tarikh akhir tempoh lesen.
- 9.2. Tempoh pembaharuan lesen diberi adalah selama 5 tahun sehingga usia bas mencapai 20 tahun dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) Lulus pemeriksaan berkala PPKM dan kelulusan masih dalam tempoh sah laku;
 - (b) LKM masih dalam tempoh sah laku;
 - (c) Lesen perdagangan masih dalam tempoh sah laku;
 - (d) Pengesahan kefungisian dan laporan SLD;
 - (e) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.8.;
 - (f) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS;
 - (g) Dokumen perjanjian pemasangan sistem ETM mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.9.;
 - (h) Penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya; dan
 - (i) Laporan prestasi tahun sebelumnya bagi kenderaan berkenaan.
- 9.3. Tempoh kelulusan memperbaharui lesen adalah selama 5 tahun sehingga bas berhenti-henti berusia 20 tahun.

- 9.4. Tempoh kelulusan memperbaharui lesen adalah selama 1 tahun bagi LKM telah tamat tempoh, dengan syarat laporan pemeriksaan di PPKM masih dalam tempoh sah laku.
- 9.5. Pengecualian jenis kenderaan dan had usia kenderaan diberikan kepada Lesen Kelas Bas Berhenti-henti yang telah diluluskan sebelum tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

10. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SEMULA LESEN KELAS BAS BERHENTI-HENTI

- 10.1. Permohonan semula lesen yang kurang 1 tahun dari tarikh akhir tempoh memperbaharui lesen.

10.1.1. Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- (a) Laporan pemeriksaan berkala PPKM yang dilantik oleh Kerajaan dan masih dalam tempoh sah laku;
- (b) Pengesahan kefungsiian dan laporan SLD;
- (c) LKM masih dalam tempoh sah laku (sekiranya LKM telah tamat, tempoh kelulusan diberi adalah selama 1 tahun);
- (d) Lesen perdagangan masih dalam tempoh sah laku;
- (e) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.8.;
- (f) Dokumen perjanjian pemasangan sistem ETM mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.9.;
- (g) Penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya; dan
- (h) Laporan prestasi tahun sebelumnya bagi kenderaan berkenaan.

- 10.2. Permohonan semula lesen yang melebihi 1 tahun dari tarikh akhir tempoh memperbaharui lesen.
 - 10.2.1. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti di Perkara 7 (kecuali bagi perkara 7.15) dan dokumen tambahan iaitu penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya serta laporan prestasi tahun sebelumnya.
- 10.3. Kelulusan permohonan semula lesen dikenakan denda mengikut kadar yang diluluskan.
- 10.4. Tempoh kelulusan permohonan semula lesen adalah selama 1 tahun bagi LKM telah tamat tempoh, dengan syarat laporan pemeriksaan di PPKM masih dalam tempoh sah laku.
- 10.5. Tempoh kelulusan permohonan semula lesen adalah selama 5 tahun maksimum.
- 10.6. Pengecualian jenis kenderaan dan had usia kenderaan diberikan kepada Lesen Kelas Bas Berhenti-henti yang telah diluluskan sebelum tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

11. BAS GANTIAN

11.1. Ketetapan dan Syarat-Syarat :

- (a) Perkhidmatan yang dijalankan dengan menggunakan bas gantian adalah tidak melebihi 7 hari;
- (b) Syarikat dikehendaki untuk memaklumkan kepada LPKP Sarawak selewat-lewatnya 1 hari selepas menggunakan bas gantian;
- (c) Had usia melesenkan kenderaan dan ganti kenderaan bas gantian adalah tidak melebihi 25 tahun dari tarikh kenderaan didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan had

usia dibenarkan untuk beroperasi sebagai bas gantian sehingga 30 tahun dari tarikh didaftarkan dengan JPJ;

- (d) Jumlah lesen bas gantian yang boleh dimiliki oleh setiap syarikat adalah 1 atau sehingga 10% daripada jumlah lesen bas berhenti-henti syarikat;
- (e) Tempoh sah laku lesen adalah selama 1 tahun;
- (f) Semua bas gantian perlu dipasang dengan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.8.;
- (g) Semua bas gantian perlu dipasang dengan ETM mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.9.; dan
- (h) Pengecualian diberikan bagi perkara-perkara berikut :
 - Jadual waktu dan jadual tambang bas gantian; dan
 - Penggunaan bas jenis *City Bus (Low Deck)*;

11.2. Dokumen Permohonan Baharu / Memperbaharui :

Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (a) Lulus pemeriksaan berkala PPKM dan kelulusan masih dalam tempoh sah laku;
- (b) Pengesahan kefungsiian dan laporan SLD;
- (c) LKM masih dalam tempoh sah laku;
- (d) Lesen perdagangan masih dalam tempoh sah laku;
- (e) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS;
- (f) **Memperbaharui sahaja** - Penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya; dan
- (g) **Memperbaharui sahaja** - Laporan prestasi tahun sebelumnya bagi kenderaan berkenaan.

12. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 November 2025. Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, **ia membatalkan Pekeliling LPKP Sarawak yang berkaitan dengan Lesen Kelas Bas Berhenti-henti sebelum ini dan terdahulu.**

13. PENUTUP

Pekeliling ini terpakai kepada semua pemegang Lesen Kelas Bas Berhenti-henti yang berlesen dengan LPKP Sarawak.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(CORNELIA WONG CHUI)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak

Tarikh : **31 Oktober 2025**

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak
Pesuruhjaya Polis Sarawak
Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak
Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM)

LAMPIRAN A

Spesifikasi format laporan bagi sistem ETM dan GPS adalah seperti berikut :

a) Laporan harian

JENIS LAPORAN	PERKARA YANG PERLU DICATATKAN / DIREKODKAN
Laporan Laluan Perkhidmatan	– Nama Kawasan Rangkaian – Tarikh Laporan – Tarikh penyerahan – Nama Pengendali – Nombor Laluan – Laluan Keluar (<i>Outbound</i>) & Laluan Masuk (<i>Inbound</i>) – Jumlah Penumpang berdasarkan Jualan Tiket dengan jarak tempuh kilometer – Jumlah Bas Yang Beroperasi – Jumlah Kilometer Perjalanan – Jumlah Trip Perjalanan Dibuat – Jumlah kutipan tambang – Jumlah Trip Perjalanan yang Terlepas – Jumlah Trip Perjalanan Awal / Lewat – Jumlah Kerosakan Semasa Operasi – Jumlah Kemalangan
Laporan Trip Perjalanan	– Nama Kawasan Rangkaian – Tarikh Laporan – Tarikh penyerahan – Nama Pengendali – Nombor Laluan – Laluan Keluar (<i>Outbound</i>) & Laluan Masuk (<i>Inbound</i>) – Waktu Bertolak yang dirancang – Waktu Berlepas Sebenar – Jumlah Penumpang berdasarkan Jualan Tiket dengan jarak tempuh kilometer

	– Jumlah Kilometer Perjalanan – Jumlah kutipan tambang
Laporan Penjualan dan Tiket harian	– Tarikh Jualan – Masa Jualan – Nombor tiket – Hentian Berlepas – Koordinat Hentian Berlepas – Hentian Ketibaan – Koordinat Hentian Ketibaan – Jenis Penumpang – Jumlah Tambang dikenakan – Nombor Pendaftaran Bas – Nombor Laluan – Penerangan Laluan – Arah Laluan IB / OB – Laluan Keluar – Laluan Masuk – Jenis Trip Perjalanan – Masa Trip Perjalanan – Nombor Trip Perjalanan – Nama Pemandu – Kad Pengenalan Pemandu – Nombor Siri ETM – Kaedah Pembayaran: Tunai / Tanpa Tunai – Jenis Tanpa Tunai – Nombor Siri Tanpa Tunai

b) Laporan bulanan

JENIS LAPORAN	PERKARA YANG PERLU DICATATKAN / DIREKODKAN
Laporan Trip Perjalanan	– Nama Kawasan Rangkaian – Tempoh Laporan – Tarikh penyerahan – Nama Pengendali – Nombor Laluan – Jumlah Penumpang – Jumlah Bas yang Beroperasi – Jumlah Kilometer Perjalanan – Jumlah Trip Perjalanan Dibuat – Jumlah kutipan tambang – Jumlah Trip Perjalanan yang Terlepas – Jumlah Trip Perjalanan Awal / Lewat – Jumlah Kerosakan Semasa Operasi – Jumlah Kemalangan
Laporan Penjualan dan Tiket Bulanan	– Tarikh Jualan – Hentian Berlepas – Hentian Ketibaan – Jenis Penumpang – Jumlah Tambang dikenakan – Nombor Laluan – Huraian Laluan – Kaedah Pembayaran: Tunai / Tanpa Tunai – Jenis Tanpa Tunai

LAMPIRAN B

Kadar tambang bas berhenti-henti di dalam Kaedah-Kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Kadar Tambang) 2000 [P.U.(A) 242/2000] :

Bil.	Bas Berhenti-Henti	Kadar Tambang Setiap Penumpang
1.	Tanpa hawa dingin	
	(i) 3 kilometer pertama atau sebahagian daripadanya (ii) setiap kilometer tambahan atau sebahagian daripadanya	(i) tidak melebihi 85 sen (ii) tidak melebihi 16.2 sen dikenakan kepada 10 sen terdekat
2.	Berhawa dingin	
	(i) 3 kilometer pertama atau sebahagian daripadanya (ii) setiap kilometer tambahan atau sebahagian daripadanya	(i) tidak melebihi RM1.04. (ii) tidak melebihi 18 sen dikenakan kepada 10 sen terdekat
3.	Kanak-kanak di bawah umur 7 tahun	Percuma
4.	Kanak-kanak berumur 7 tahun atau lebih tetapi di bawah 12 tahun	Tidak melebihi 1/2 daripada kadar yang ditetapkan dikenakan kepada 10 sen terdekat
5.	Kanak-kanak berpakaian seragam sekolah	Tidak melebihi 1/2 daripada kadar yang ditetapkan dikenakan kepada 10 sen terdekat
6.	Orang kurang upaya dan warga tua berumur 60 tahun dan ke atas	Tidak melebihi 1/2 daripada kadar yang ditetapkan dikenakan kepada 10 sen terdekat